

# Tidak perlu tubuh Universiti Agropolitan

PERSATUAN Pentadbir Universiti Putra Malaysia (PPUPM) tidak bersejua dengan cadangan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang bercadang untuk menubuhkan sebuah Universiti Agropolitan di negara kita.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Tajuddin Abdul Rahman penubuhan universiti ini adalah untuk menawarkan pengkhususan dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dalam negara serta untuk meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian.

Isu penubuhan sebuah universiti berasaskan pertanian pernah ditimbulkan sebelum ini yang turut mendapat reaksi daripada Canselor UPM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

PPUPM agak tertanya-tanya kenapa pihak kementerian begitu bersungguh-sungguh untuk menubuhkan sebuah universiti baharu berasaskan pertanian tatkala Universiti Putra Malaysia (UPM) terus diiktiraf sebagai universiti penyelidikan unggul berteraskan pertanian.

Baginda bertitah, universiti pertanian yang baharu tidak perlu ditubuhkan sebaliknya peruntukan yang ada bagi penubuhan universiti tersebut disalurkan kepada UPM untuk memperkasakan pertanian berteknologi tinggi dan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta sektor pertanian lain.

PPUPM agak tertanya-tanya kenapa pihak kementerian begitu ber-

sungguh-sungguh untuk menubuhkan sebuah universiti baharu berasaskan pertanian tatkala Universiti Putra Malaysia (UPM) terus diiktiraf sebagai universiti penyelidikan unggul berteraskan pertanian.

Alasan bahawa penubuhan universiti itu dilihat perlu memandangkan UPM kini menawarkan banyak kursus lain selain bidang pertanian juga tidak logik dan rasional sama sekali.

Untuk rekod UPM telah menghasilkan 41,283 graduan pertanian dan agrobio sejak konvokesyen pertamanya pada tahun 1977 dan semua pelajar UPM tidak mengira apa juga fakulti diwajibkan mengambil subjek teras iaitu Pertanian dan Manusia sebagai syarat bergraduasi.

Tambahan pula, UPM mempunyai bidang pengajian yang mencakupi keseluruhan nilai rantai pertanian dan agrobio bermula dari pengeluaran hingga ke penggunaan di mana ini membolehkan daripada lebih kurang 26 ribu pelajar ijazah pertama UPM, lebih kurang 18 ribu daripadanya belajar dalam bidang pertanian dan agrobio.

Ini menjelaskan betapa UPM dapat mengeluarkan modal insan yang serba lengkap untuk memperkasakan bidang pertanian negara termasuklah memenuhi hasrat pihak ke-

menterian iaitu meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dalam negara serta untuk meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian.

Perkara ini juga sudah semestinya dapat dibuktikan pada hari ini apabila majoriti peneraju utama bidang pertanian di jabatan mahupun agensi kerajaan adalah Alumni UPM.

Pada masa yang sama, pihak pengurusan UPM juga secara berte-rusan membuat pelbagai penambahbaikan agar bidang pertanian terus diberi perhatian terutamanya selepas pelantikan Naib Canselor baharu iaitu Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan yang merupakan seorang pakar pertanian.

**NOOR MOHAMAD  
BIN SHAKIL HAMEED**  
Presiden PPUPM